

RESEARCH ARTICLE

FAKTOR-FAKTOR HUBUNGAN PENYERTAAN GURU SEKOLAH MENENGAH DI MERSING TERHADAP SAHAM WAKAF JOHOR

(Factors of the Relationship of Secondary School Teachers in Mersing to Johor Wakaf Share)

Junaida Basiron*, Mohd Zawawi Zainal Abidin dan Fahmi Zaidi Abdul Razak

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UniPSAS), Malaysia

ABSTRAK - Saham Wakaf Johor merupakan wadah dalam memacu pembangunan ekonomi Islam di negeri Johor. Namun sejak lima tahun kebelakangan ini, Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) berdepan dengan masalah penurunan kutipan Saham Wakaf Johor yang sangat ketara. Kajian ini bertujuan untuk melihat faktor-faktor yang mempengaruhi niat terhadap penyertaan Saham Wakaf Johor, khususnya dalam kalangan guru-guru sekolah menengah di Mersing Johor. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dan menggunakan soal selidik sebagai instrumen untuk mengumpul data dari sampel kajian. Instrumen diadaptasi dan diubahsuai dari pada Teori Tingkah laku Terancang (TPB) dan mengikut keperluan persoalan kajian. Soal selidik mengandungi empat konstruk iaitu niat, sikap, kawalan tingkah laku dan norma subjektif. Pemilihan sampel kajian menggunakan persampelan rawak mudah. Sampel kajian terdiri daripada 226 orang guru daripada sepuluh buah sekolah menengah di daerah Mersing Johor. Data kajian dianalisis menggunakan Smartpls 3.39. Berdasarkan dapatan kajian, dua faktor iaitu sikap dan norma subjektif signifikan terhadap niat guru menyertai Saham Wakaf Johor. Manakala faktor kawalan tingkah laku tidak signifikan terhadap niat guru untuk menyertai Saham Wakaf Johor. Penemuan menunjukkan min niat guru untuk menyertai Saham Wakaf Johor berada pada tahap sederhana tinggi. Kajian ini penting sebagai titik permulaan untuk menyumbang dalam memperkasakan Saham Wakaf Johor dan manfaat masa hadapan.

ABSTRACT - The Johor Waqf shares are a forum for spurring the development of the Islamic economy in the country of Johor. However, for the past five years, the Johor State Islamic Religious Council (MAINJ) has been faced with the problem of a significant decrease in the collection of Johor Waqf Shares. This study aims to look at the factors that influence the intention to invest in Johor Waqf Shares, especially among secondary school teachers in Mersing Johor. This study is a quantitative study and uses a questionnaire as an instrument to collect data from the study sample. The instrument was adapted and modified from the Theory of Planned Behavior (TPB) and according to the needs of the study problem. Inquiry questions contain four constructs, namely intention, attitude, behavioral control and subjective norms. The study sample was selected using an easy random sample. The study sample consisted of 226 teachers from ten secondary schools in the Mersing Johor area. Study data were analyzed using Smartpls 3.39. Based on the findings of the study, two factors, namely attitudes and subjective norms, are significant for teachers' intentions to participate in the Johor Waqf Shares. While the behavioral control factor is not significant to the teacher's intention to participate in the Johor Waqf Shares. The findings show min teachers' intention to join the Johor Waqf Shares is at a moderately high level. This study is important as a starting point to contribute to strengthening Johor Waqf Shares and future benefits.

ARTICLE HISTORY

Received : 7th Aug. 2023

Revised : 17th Aug. 2023

Accepted : 20th Oct. 2023

Published : 30th Oct. 2023

KEYWORDS

High school teacher

Theory of Planned Behavior

(TPB)

Participation

Johor Waqf shares

1.0 PENGENALAN

Memang benar dan diakui bahawa wakaf memainkan peranan penting dalam kemajuan ekonomi suatu negara, terutama dalam masyarakat Islam. Sejarah telah membuktikan betapa besar sumbangan wakaf terhadap pembangunan masyarakat Islam hingga saat ini. Rasulullah SAW dan para sahabatnya menjadi contoh dengan mengamalkan pengabdian harta sebagai wakaf untuk mendukung berbagai sektor seperti ekonomi, pendidikan, kesihatan, dan sosial. Amalan praktikal ini kemudiannya telah diikuti oleh umat Islam secara luas.

Peranan institusi wakaf dalam pembangunan negara Islam terbukti sejak zaman pemerintahan empayar Uthmaniyyah di mana wakaf berjaya memenuhi tuntutan keperluan rakyat seperti dalam sektor pendidikan, kesihatan dan sosial

(Cizacka, 2008 dalam Ramli et al., 2022). Justeru itu, wakaf sangat dituntut kerana kerana merupakan satu instrumen pelaburan sosial yang mampu membiayai pelbagai aktiviti ekonomi yang memberi manfaat kepada masyarakat (Hasan & Abdullah, 2008). Wakaf juga adalah pemangkin dan mekanisme dalam membangunkan pelbagai jenis kemudahan seperti meningkatkan tahap akademik, kesihatan umat Islam, membina tempat ibadat, memantapkan pertahanan negara, membangunkan sahsiah dan sekaligus menguatkan ikatan silaturahim sesama Islam.

Wakaf dari sudut bahasa bermaksud penahanan atau pencegahan. Manakala dari sudut sistem perundangan Islam, wakaf merupakan satu cara menahan harta yang diberi kepada pihak lain untuk diuruskan, dan manfaat diambil dan disalurkan kepada tertentu untuk kebaikan. Al-Zuhayli (2012) konsep penahanan harta merupakan pencegahan harta daripada diwarisi, dijual, dihadiahkan, digadaikan, disewa, dipinjamkan, atau apa-apa jenis pelupusan. Pewakaf mendapat ganjaran pahala berpanjangan dan sebesar-besar amalan mendekatkan diri kepada Allah SWT kerana antara amalan membuka pintu-pintu kebajikan selagi harta yang diwakafkan itu masih wujud dan boleh dimanfaatkan walaupun pewakafnya telah meninggal dunia (Aidi et al., 2005). Selain itu, dalam masa yang sama wakaf membantu meringankan beban dan kesempitan hidup umat Islam dengan cara pengagihan harta untuk diambil manfaat.

Di peringkat awal, amalan wakaf tertumpu kepada harta kekal dan tidak boleh alih seperti tanah dan bangunan. Persepsi masyarakat sudah sebatu dengan tanggapan bahawa wakaf hanya terdiri daripada harta bersifat kekal dan tahan lama sahaja (Zulkiflee et al., 2015). Malah tanggapan ini telah membataskan peluang kepada orang Islam yang tidak memiliki harta kekal untuk menyertai wakaf. Justeru itu, bagi menggalakkan lebih ramai orang Islam menyertai wakaf, maka Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah melancarkan produk baharu skim wakaf tunai dalam bentuk unit saham wakaf supaya lebih ramai orang Islam menyertai wakaf. Sehubungan dengan itu, saham wakaf diperkenalkan dan dilaksana mengikut kaedah pelaksanaan negeri masing-masing dengan matlamat menggalakkan lebih ramai orang Islam berwakaf.

Bagi negeri Johor, Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) merupakan satu-satunya badan berkuasa tunggal yang dipertanggungjawabkan untuk mengumpul dan menguruskan harta wakaf orang ramai dengan penuh amanah. MAINJ dengan inisiatif telah memperkenalkan satu produk wakaf tunai yang dikenali sebagai Saham Wakaf Johor yang menawarkan nilai serendah RM10 satu unit kepada orang Islam di negeri Johor dan luar negeri Johor, kemudian unit saham tersebut dikembalikan kepada pihak MAINJ untuk diuruskan dan manfaatnya dipulangkan semula kepada masyarakat Islam. Hal ini selari dengan peredaran masa untuk meningkatkan pengurusan wakaf supaya lebih baik dan sistematik berbanding kaedah sebelumnya. Sehubungan dengan itu, bagi merealisasi usaha ini, pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) telah melantik sebuah syarikat korporat Johor Corporation (Jcorp) untuk mengurus harta wakaf dan Saham Wakaf Johor (Gadot, 2019).

Saham Wakaf Johor merupakan amalan sedekah yang dianjurkan dalam Islam dan menjadi sebahagian dari amalan soleh umat Islam seiring dengan perkembangan agama. Saham Wakaf Johor yang berkualiti mempunyai potensi untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi yang cemerlang, yang pada hakikatnya akan menjadi pemacu bagi pembangunan negara yang berpanjangan, produktif, dan mampu bersaing dengan negara-negara lain. Pendapat ini disokong oleh Ismail Mohsin (2018), yang menekankan bahawa wakaf berkualiti memberikan sumbangan dalam meningkatkan ekonomi umat Islam, terutamanya dalam membiayai aktiviti sosial dan budaya yang melibatkan modal kewangan yang tinggi, seperti sektor pendidikan dan penyediaan perkhidmatan awam kepada masyarakat.

Secara kesimpulannya, Saham Wakaf Johor adalah hasil inovasi terbaru daripada Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) yang bertujuan untuk mengumpul dan menguruskan harta wakaf dengan amanah. Ia memungkinkan penyumbangan dari orang Islam di dalam dan luar negeri Johor dengan hanya RM10 untuk setiap unit saham. Syarikat korporat Johor Corporation (JCorp) telah dilantik oleh MAINJ sebagai pengurus untuk projek ini. Saham Wakaf Johor merupakan satu langkah penting dalam amalan sedekah dalam Islam, di mana ia berpotensi memberikan sumbangan besar kepada pembangunan ekonomi negara serta membiayai aktiviti sosial dan budaya, khususnya dalam sektor pendidikan dan perkhidmatan awam, yang membawa manfaat kepada masyarakat.

2.0 TINJAUAN LITERATUR

2.1 *Saham Wakaf Johor*

Saham Wakaf Johor adalah bentuk wakaf tunai yang diperkenalkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) kepada orang awam. MAINJ merupakan badan berkuasa tunggal yang bertanggungjawab mengumpul dan mengurus harta wakaf di negeri Johor. Saham Wakaf Johor adalah satu amanah dalam bentuk wang tunai yang menyokong perkhidmatan kepada manusia atas nama Allah SWT. Bentuk wakaf tunai ini digemari dan sangat popular kerana berkeupayaan membangunkan aset-aset sedia ada, melabur bagi tujuan keuntungan dividen, dan pengumpulan dana bagi tujuan membeli aset wakaf yang baharu (Magda, 2013: Asharaf, 2019).

Kajian terdahulu telah melaporkan kejayaan wakaf seperti Cengiz Toraman & Berdiye Tuncsiper, Jon E. Mandaville, dan Murat Cizacka (2007) membuktikan bahawa wakaf tunai telah berjaya meringankan beban kerajaan Uthmaniyyah. Melalui pembiayaan yang diberikan, wakaf tunai telah memungkinkan pembangunan kemudahan-kemudahan asas dalam bidang agama, pendidikan, kesihatan, dan kesejahteraan masyarakat setempat. Kejayaan ini telah membantu memartabatkan wakaf sebagai aset penting dalam memajukan masyarakat pada masa tersebut. Islam (2022) wakaf tunai diterima baik di kebanyakan negara termasuk India, Pakistan, Iran, Mesir, Singapura, dan Malaysia. Sehubungan dengan

itu, penubuhan institusi wakaf telah membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat dan sekaligus membantu mengatasi masalah pengangguran yang menjadi faktor utama dalam menurunkan taraf ekonomi masyarakat Muslim. Dengan adanya institusi wakaf, masyarakat dapat memperoleh manfaat dari wakaf tunai dalam membantu meningkatkan kesejahteraan dan pembangunan komuniti setempat

Wakaf dalam bentuk harta tetap seperti tanah dan bangunan masih tetap diteruskan, namun wakaf bentuk tunai telah diubah kepada pendekatan baharu dengan kaedah lebih mudah iaitu bentuk Saham Wakaf Johor. Hal ini bertujuan untuk memberi peluang kepada orang Islam yang tidak mempunyai harta tetap boleh melibatkan diri dengan wakaf iaitu dengan cara menyumbang wang tunai yang ada. Ini selari dengan ajaran agama Islam yang menuntut penganutnya saling bantu membantu sesama Islam kerana melihat tahap ekonomi Islam pada masa kini agak ketinggalan berbanding ekonomi bangsa lain (Mohd Zain et al., 2019). Gadot (2019) mengakui bahawa perkataan Saham Wakaf Johor adalah melambangkan wakaf tunai di negeri Johor. Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) telah menawarkan satu skim produk Saham Wakaf Johor dengan kadar nilai serendah RM10 satu unit untuk dimiliki oleh orang awam dan mengembalikan saham itu kepada pihak MAINJ untuk diuruskan dengan tujuan manfaatnya dipulangkan kepada umat Islam. Ini bertujuan ke arah merencanakan perkembangan ekonomi Islam dengan usaha pihak MAINJ untuk menggalakkan ibadah wakaf diteruskan dan menjadi budaya dalam kalangan umat Islam masa kini.

Berdasarkan kajian oleh Nur Alya Sabreena Nor Azlan et al. (2020), kerjasama antara MAINJ dan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) telah terjalin. YWM bertanggungjawab dalam menyelaraskan wakaf tunai di Malaysia, termasuk Saham Wakaf Johor. Tujuan kolaborasi ini adalah untuk membolehkan pengumpulan wakaf tunai dari seluruh negeri di Malaysia, bukan hanya terhad kepada masyarakat di Johor sahaja. Walaupun demikian, MAINJ tidak mempunyai kebenaran untuk mengutip atau mengumpul dana wakaf secara terus daripada negeri-negeri lain. Ini disebabkan setiap negeri mempunyai bahagian wakaf mereka sendiri. Oleh itu, melalui kerjasama dengan Yayasan Wakaf Malaysia, MAINJ menerima sumbangan dana daripada masyarakat luar. Walau bagaimanapun, keputusan mengenai penyaluran dana tersebut bergantung kepada pilihan individu tersebut, di mana mereka ingin menyumbangkan dan kepada negeri mana sumbangan tersebut akan dialirkan.

2.2 *Niat Menyertai Saham Wakaf Johor*

Asmak (2009) menyatakan niat adalah perkara pertama wujud di dalam hati individu dan asas setiap aktiviti manusia. Niat dapat menimbulkan perasaan gembira atau cinta. Dalam ajaran Islam, niat memainkan peranan penting sebagai pembeza antara perbuatan yang dikategorikan sebagai ibadah atau urusan adat bagi seorang Muslim. Mujani (2017), seperti yang dikutip dalam kajian oleh Supian et al. (2021), menyatakan bahawa niat mempengaruhi keterlibatan seseorang dalam amalan wakaf, dan kajian sebelum ini telah mendapati hubungan yang signifikan antara tingkah laku dan niat untuk bersedekah (Kashif & de Run, 2015; Knowles et al., 2012; Linden, 2011; Smith & McSweeney, 2007).

Beberapa kajian khusus dilakukan mengenai wakaf tunai menggunakan teori TPB. Kajian terdahulu telah mengaplikasikan teori TPB untuk mengkaji tingkah laku dan penyertaan dalam wakaf. Sebagai contoh, kajian oleh Osman et al. (2017), teori TPB digunakan untuk mengkaji tingkah laku penderma Islam di Malaysia dalam memberikan wakaf tunai. Chaerunnisa dan Kasri (2019) juga mengkaji faktor sikap, norma subjektif, dan persepsi kawalan tingkah laku terhadap niat untuk memberikan wakaf secara dalam talian. Kajian oleh Latif et al. (2021) pula menggunakan TPB untuk mengkaji hubungan antara pemahaman wakaf dan niat untuk berwakaf oleh Jemaah masjid di Daerah Ponorogo, Indonesia. Secara kesimpulannya, banyak pengkaji bersetuju dengan teori TPB Ajzen (1991) yang menyatakan bahawa tingkah laku dipengaruhi oleh faktor dalaman yang dikenali sebagai "niat" (intention to) (Oelrich, 2021).

2.3 *Sikap*

Kajian lepas membuktikan bahawa TPB telah berjaya diuji kerelevanan dalam pelbagai bidang kajian termasuk pemberian sedekah, zakat dan wakaf yang berkaitan dengan tingkah laku (Linden, 2011; Sakti et al., 2016; Smith & McSweeney, 2007). Ramai pengkaji terdahulu meneliti pelbagai aspek yang boleh membentuk sikap seseorang, dan bersetuju bahawa sikap adalah antara faktor yang mempengaruhi niat seseorang untuk bertindak melakukan sesuatu tindakan. Park & Lewis, (2019) menyatakan bahawa konstruk sikap dapat digunakan untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang seseorang atau kumpulan orang, dan membolehkan ramalan yang lebih tepat mengenai perilaku pembinaan mereka. Sikap mempengaruhi kemampuan diri untuk meramalkan dan memahami sesuatu. Sikap ini bergantung pada kecenderungan psikologi diri untuk menilai sesuatu dengan suka atau tidak suka.

Sikap ialah penampilan sesuatu aktiviti. Sikap berkait rapat dengan elemen seperti instrumen atau penampilan diri, motif, kepercayaan dan cara berkelakuan. Sikap merangkumi hubungan antara kepercayaan, kawalan tingkah laku dan tindakan (Lucyanda et al., 2010). Ajzen, (1991) dan Klockner, (2013) mendefinisikan sikap terhadap tingkah laku sebagai salah atau betul dan penentu niat dalam TPB yang merujuk kepada peringkat penilaian positif atau instrumen seseorang untuk tingkah laku berkenaan. Ini selari dengan Hasyim & Nurohman (2021) mendapati bahawa semakin positif sikap seseorang, semakin besar niat yang ada. Sebaliknya, keputusan TPB menunjukkan bahawa sikap mempunyai hubungan yang penting dengan tingkah laku individu. Terdapat kajian yang memfokuskan kepada TPB dalam kalangan penduduk di Sorabaya Indonesia berkenaan TPB dengan niat berwakaf. Dapatan kajian menunjukkan pengubahsuaian sikap, kawalan tingkah laku dan pengalaman mempengaruhi niat seseorang untuk berwakaf tunai. Kesimpulannya, TPB relevan dalam memahami tingkah laku seperti sedekah, zakat, dan wakaf. Sikap mempengaruhi niat dan tindakan seseorang.

Semakin positif sikap, semakin besar niat untuk bertindak. Sikap merupakan faktor penting dalam TPB yang mempengaruhi tingkah laku.

H₁: Terdapat hubungan yang positif di antara sikap dengan penyertaan Saham Wakaf Johor

2.4 Norma Subjektif

Menurut Ajzen (1991), norma subjektif merujuk kepada tekanan sosial yang dirasakan oleh seseorang untuk melakukan atau tidak melakukan suatu tingkah laku. Ia melibatkan persepsi individu terhadap pendapat orang lain yang relevan terhadap tingkah laku tersebut. Norma subjektif memberikan tekanan sosial kepada individu untuk melaksanakan atau tidak melaksanakan suatu tindakan, dan ini dikenali sebagai norma sosial (Bonne et al., 2007). Beberapa kajian terdahulu seperti yang dilakukan oleh Shih dan Fang (2004), Lada et al. (2008), dan Amin dan Chong (2011) telah menyokong pengaruh yang signifikan norma subjektif terhadap niat dan tingkah laku.

Lada et al. (2008) secara lebih terperinci mengkaji pengaruh norma subjektif terhadap wakaf tunai dan mendapati hubungan yang kuat antara norma subjektif dan niat tingkah laku. Al-Harethi (2019) juga menyokong pengaruh norma subjektif terhadap tingkah laku dan penyertaan dalam wakaf. Secara kesimpulannya, norma subjektif merujuk kepada tekanan sosial yang dirasakan untuk melakukan atau tidak melakukan suatu tingkah laku. Banyak kajian telah menyokong pengaruh yang signifikan dari norma subjektif terhadap niat dan tingkah laku dalam konteks wakaf tunai dan amalan sosial lainnya. Norma subjektif mencerminkan persepsi individu terhadap pendapat orang lain yang relevan terhadap tingkah laku yang akan dilakukan. Secara kesimpulannya, norma subjektif merujuk kepada tekanan sosial yang dirasai oleh individu untuk melakukan atau tidak melakukan suatu tingkah laku. Banyak kajian telah menyokong pengaruh yang signifikan norma subjektif terhadap niat dan perilaku sosial, termasuk dalam konteks wakaf tunai. Persepsi individu terhadap pandangan orang lain yang relevan juga memainkan peranan penting dalam membentuk tingkah laku. Norma subjektif memegang peranan utama dalam membentuk perilaku sosial yang diamalkan oleh individu.

H₂: Terdapat hubungan yang positif di antara norma subjektif dengan penyertaan Saham Wakaf Johor

2.5 Kawalan Tingkah laku

Kawalan tingkah laku merujuk kepada keyakinan diri dari dalam diri atau luaran seseorang yang mengakibatkan kepada tindakan tingkah laku (Ajzen, 1991). Heikal (2014) menyatakan bahawa kawalan tingkah laku hanya boleh berlaku dengan tindakan tertentu. Dari perspektif zakat, Sulaeman (2017) mendapati beberapa faktor lain diambil kira untuk membentuk kawalan tingkah laku yang dirasakan iaitu keupayaan, pengetahuan, kesedaran dan kesanggupan untuk tindakan membayar zakat. Manakala dari persepektif wakaf, Sakti et al.,(2016) menegaskan bahawa kawalan tingkah laku mempunyai pengaruh signifikan terhadap niat untuk terlibat dalam wakaf tunai. Iman et al,(2021) melaporkan hasil kajian menggunakan instrumen secara atas talian melibatkan 138 orang responden menemui keputusan bahawa faktor sikap, norma subjektif, dan nilai keagamaan signifikan mempengaruhi tingkah laku dan membuat keputusan masyarakat untuk menyertai wakaf tunai. Dapatan ini menyamai dengan hasil kajian oleh Osman (2014) yang menyatakan bahawa selain sikap, norma subjektif, dan persepsi kawalan tingkah laku yang dirasakan, tahap pemahaman agama juga memainkan peranan penting dan mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap niat tingkah laku.

Pemahaman agama yang baik mempengaruhi cara seseorang memahami dan menghayati nilai-nilai agama, termasuk dalam konteks wakaf tunai. Dengan pemahaman yang mendalam tentang prinsip-prinsip agama yang berkaitan dengan wakaf tunai, individu lebih cenderung untuk mempunyai niat yang kuat untuk terlibat dalam amalan wakaf. Pemahaman agama yang baik juga membantu individu memahami kepentingan wakaf tunai dalam agama Islam serta tanggungjawab mereka sebagai umat Muslim dalam menjaga dan memperluas amalan wakaf. Pemahaman yang mendalam tentang hukum dan tatacara wakaf tunai serta manfaatnya bagi masyarakat secara keseluruhan turut mempengaruhi keyakinan individu dan meningkatkan kesediaan mereka untuk berwakaf. Oleh itu, pemahaman agama yang baik adalah faktor penting dalam membentuk niat tingkah laku, terutamanya dalam konteks wakaf tunai. Hal ini menekankan kepentingan pendidikan dan kesedaran agama dalam mempromosikan amalan wakaf tunai serta melibatkan masyarakat dalam memenuhi keperluan sosial dan kesejahteraan umat melalui wakaf tunai.

Berbeza pula dengan kajian Khalifa dan Shen (2008) menemukan bahawa kawalan tingkah laku seseorang tidak mempunyai pengaruh signifikan terhadap niat kepada tingkah laku, Namun, kebanyakan pengkaji terdahulu telah menemui secara empirikal bahawa kawalan tingkah laku mempengaruhi niat memberi sedekah (Kashif & de Run, 2015; Knowles et al, 2012; Linden, 2011; Smith dan McSweeney, 2007). Demikian pula Osman (2019), menemui bahawa kawalan tingkah laku yang dirasakan merupakan penentu kuat atau tidak niat seseorang untuk terlibat dalam pelaburan hijau. Begitu juga dengan Setianagara (2019) mendapati wujud lebih daripada satu faktor yang mempengaruhi niat seseorang dengan tingkah laku amalan bersedekah masyarakat muslim di Indonesia. Secara kesimpulannya, pengaruh kawalan tingkah laku yang dirasakan terhadap niat dan tingkah laku masih menjadi subjek perdebatan dan kajian lebih lanjut diperlukan untuk memahami faktor-faktor yang mempengaruhi secara tepat dalam konteks yang berbeza.

H₃: Terdapat hubungan yang positif di antara kawalan tingkah laku dengan penyertaan Saham Wakaf Johor

3.0 PERNYATAAN MASALAH

Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) sebuah badan berautoriti yang bernaung di bawah Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) bertanggungjawab mengumpul dan mengurus harta wakaf ke arah kemajuan ekonomi Islam. YMW berusaha merencanakan jumlah kutipan dana wakaf demi menyokong pembangunan sektor pendidikan, kesihatan dan sosial beroperasi dengan jayanya. Asharaf Ramli, (2019) berdasarkan laporan Yayasan Wakaf Malaysia (YMW), berlaku peningkatan jumlah kutipan dana wakaf tunai dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini iaitu RM2550815(2017), RM2535660(2018), dan RM2756865(2019). Namun kebenarannya masih menimbulkan tanda tanya kerana isu kemelut tanah wakaf terbiar, harta terbengkalai dan yang tidak dibangunkan masih belum ditangani bertitik tolak kerana kekurangan dana tunai membelenggu pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Fenomena ini berlarutan dan masih belum menemui titik noktah berikutan seluas 4,488 hektar tanah wakaf milik Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, masih belum dapat dibangunkan sepenuhnya kerana MAIN berdepan dengan kekangan dana tunai (Md Nuruddin et al., 2019). Permasalahan ini disokong oleh Hassan et al.(2021) mendapati “miskin tunai kaya aset” berlaku di Malaysia rentetan masalah utama berkaitan pengurusan harta wakaf yang tidak produktif dan ketidakcukupan dana wakaf tunai menjadi asas utama perbincangan dan perbincangan dalam kalangan pengamal industri dan ahli akademik.

Ironinya, adalah agak menghairankan apabila disebalik penekanan, tumpuan dan usaha yang telah dijalankan oleh pihak MAIN serta pihak-pihak berkepentingan untuk menggalakkan penyertaan wakaf dalam kalangan masyarakat masih lagi boleh dipertikaikan (Abd. Jalil, 2020). Tidak cukup dengan itu, ditambah lagi dengan faktor agama bahawa semua umat Islam itu sendiri tahu hukum wakaf menyamai sedekah. Muhd. Fudail (2009) dalam Ali & Don (2019) mendapati pewakaf sebagai thawab diberi ganjaran berlipat kali ganda semasa hidup dan selepas mati.

Laporan Saham Wakaf Johor yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) didapati jumlah penurunan kutipan Saham Wakaf Johor berlaku dalam tempoh lima tahun adalah sangat ketara. Jumlah kemerosotan nilai kutipan Saham Wakaf Johor dalam tempoh lima tahun iaitu RM7,374,450 (2017), RM5,754,200 (2018), RM4,681,610 (2019), RM5,054,640 (2020) dan RM4,987,720 (2021) seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1. Jumlah kutipan Saham Wakaf Johor tahun 2017 hingga tahun 2021

Tahun	Unit Saham Wakaf Johor	Jumlah (RM)
2017	737445	7,374,450
2018	575420	5,754,200
2019	468161	4,681,610
2020	505464	5,054,640
2021	498772	4,987,720

Sumber : Majlis Agama Islam Negeri Johor (2021)

Jumlah nilai kutipan yang semakin merosot menunjukkan wujudnya permasalahan yang dihadapi oleh umat Islam di Mersing dalam menyertai Saham Wakaf Johor. Senario ini menjadi satu halangan kepada pihak MAINJ dalam usaha melaksana apa yang dirancang untuk tujuan ekonomi Islam. Maka sudah sampai masanya bagi semua pihak khususnya MAINJ melihat isu kelemahan penyertaan wakaf dalam kalangan umat Islam dalam konteks kepentingan di era globalisasi dan dunia tanpa sempadan. Ini kerana jika kelemahan ini terus dibiarkan akan mengakibatkan pembangunan dirancang tidak berjaya dan ekonomi Islam ketinggalan yang kebanyakannya berpunca daripada dana wakaf. Justeru itu, dengan permasalahan ini, maka pengkaji memberi fokus untuk mengkaji faktor-faktor hubungan penyertaan guru sekolah menengah di Mersing terhadap Saham Wakaf Johor.

4.0 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor hubungan penyertaan guru sekolah menengah di Mersing terhadap Saham Wakaf Johor. Secara khusus, kajian ini akan menjawab persoalan berikut:

- 1) Apakah tahap kecenderungan guru untuk menyertai Saham Wakaf Johor?
- 2) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara sikap guru dengan penyertaan Saham Wakaf Johor
- 3) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara norma subjektif guru dengan penyertaan Saham Wakaf Johor
- 4) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kawalan tingkah laku guru dengan penyertaan Saham Wakaf Johor

5.0 OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan kepada persoalan kajian empat objektif kajian dibangunkan adalah seperti berikut:

- 1) Mengenal pasti tahap kecenderungan guru untuk menyertai Saham Wakaf Johor
- 2) Menentukan sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara sikap guru dengan penyertaan Saham Wakaf Johor

- 3) Menentukan sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara norma subjektif guru dengan penyertaan Saham Wakaf Johor
- 4) Menentukan sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara kawalan tingkah laku guru dengan penyertaan Saham Wakaf Johor

6.0 HIPOTESIS KAJIAN

Hipotesis untuk kajian ini adalah seperti berikut:

- 1) H1: Terdapat hubungan yang positif di antara sikap dengan penyertaan Saham Wakaf Johor
- 2) H2: Terdapat hubungan yang positif di antara norma subjektif dengan penyertaan Saham Wakaf Johor
- 3) H3: Terdapat hubungan yang positif di antara kawalan tingkah laku dengan penyertaan Saham Wakaf Johor

7.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan tinjauan dan menggunakan borang soal selidik sebagai alat utama untuk mengumpulkan data. Reka bentuk kajian telah dipilih berdasarkan kaedah dan panduan yang memudahkan pengkaji menjalankan kajian (Rajikal & Mohd Isa Hamzah, 2020). Soal selidik digunakan sebagai instrumen utama dalam kajian ini. Menurut Creswell (2013), soal selidik adalah alat yang sesuai untuk digunakan dalam kajian tinjauan kerana ia fleksibel, cekap, dan membolehkan generalisasi, serta memudahkan pengumpulan maklumat mengenai sikap, pandangan, dan kepercayaan responden terhadap isu yang dikaji. Penilai juga menggunakan nilai indeks kebolehpercayaan Cronbach Alpha untuk menilai kebolehpercayaan soal selidik yang digunakan, termasuk untuk konstruk sikap guru, kawalan tingkah laku, dan norma subjektif terhadap Saham Wakaf Johor. Seramai 226 orang guru dari sepuluh buah sekolah menengah di daerah Mersing Johor telah dipilih menjadi sampel kajian seperti yang tercatat dalam Jadual 2.

Jadual 2. Demografi responden


Item	N	%		N	%
Jantina		Umur			
Lelaki	171	75.7	24-30 tahun	39	17.3
Perempuan	55	24.3	31-35 tahun	51	22.6
			36-45 tahun	80	35.4
			46-55 tahun	43	19.0
			56-60 tahun	13	5.8
Bangsa		Pendidikan			
Melayu	225	99.6	SRP/PMR	0	0.0
Cina	0	0.0	SPM	0	0.0
India	1	0.4	STPM/Diploma	2	0.9
Lain-lain	0	0.0	Ijazah Sarjana Muda	210	92.9
			Ijazah Sarjana	14	6.2
Gred Gaji		Pengalaman mengajar			
DG34	73	32.3	Kurang dari 1 tahun	18	8.0
DG41	85	37.3	1-3 tahun	18	8.0
DG44	50	22.1	4-7 tahun	33	14.6
DG48	2	0.9	8-11 tahun	44	19.5
DG52	5	2.2	12 tahun ke atas	113	50.00
DG54	11	4.9			
		Pengetahuan Tentang Saham Wakaf Johor			
		Ya		199	88.1
		Tidak		27	11.9

7.1 Model Kajian

Dasar kajian ini berdasarkan kepercayaan bahawa perilaku seseorang dipengaruhi oleh faktor-faktor utama seperti sikap, kawalan tingkah laku, dan norma subjektif. Secara teori, niat guru untuk menyertai Saham Wakaf Johor dipengaruhi oleh faktor-faktor dari luar dan faktor-faktor dari dalam diri individu. Ini sejajar dengan prinsip Teori Tingkah Laku Terancang (TPB) yang dikembangkan oleh Fishbein dan Ajzen (1991). Pada dasarnya, Teori Tindakan Beralasan (TRA) oleh Ajzen (1975) menjadi dasar bagi TPB yang dikembangkan oleh Fishbein dan Ajzen (1991). TRA adalah teori awal yang meramalkan niat dan kecenderungan manusia untuk berperilaku. Konsep yang terkandung dalam TRA menyatakan

bahwa niat berasal dari dua konstruk utama, iaitu sikap dan norma subjektif. Sikap didefinisikan sebagai penilaian positif atau negatif seseorang terhadap suatu tindakan, sementara norma subjektif didefinisikan sebagai persepsi terhadap tekanan sosial untuk melaksanakan atau tidak melaksanakan tindakan atau perilaku (Ajzen, 1991).

Kerangka model kajian adalah set teori yang menerangkan hubungan antara set dengan fenomena. Model TPB membimbing analisis ke arah penentuan pembolehubah kajian yang perlu dipertimbangkan. Hubungan antara sikap, norma subjektif dan kawalan tingkah laku sebagai pembolehubah bebas dan niat menentukan faktor penyertaan guru kepada Saham Wakaf Johor sebagai pembolehubah bersandar seperti yang ditunjukkan pada rajah 1.



Rajah 1. Model kajian TPB Icek Ajzen (1991)

8.0 DAPATAN KAJIAN


8.1 Niat menyertai Saham Wakaf Johor

Hasil kajian menunjukkan min niat guru menyertai Saham Wakaf Johor adalah berada pada nilai sederhana tinggi dengan nilai purata min 3.91 dan nilai purata sisihan piawai 0.753 seperti yang ditunjukkan pada jadual 3.

Jadual 3. Min niat menyertai Saham Wakaf Johor

No. Item	Item/Soalan	Min	Sisihan Piawai
1	Saya akan menyertai Saham Wakaf Johor pada masa hadapan.	3.88	0.756
2	Saya berhasrat untuk menyertai Saham Wakaf Johor pada masa hadapan.	3.93	0.739
3	Saya mempunyai rancangan untuk menyertai Saham Wakaf Johor pada masa hadapan.	3.94	0.763
	Purata Keseluruhan	3.91	0.753

Bagi mengesahkan kebolehpercayaan pembolehubah, ujian dalaman model dijalankan untuk menilai kebolehpercayaan struktur pembolehubah eksogen dan endogen. Ujian ini melibatkan pemerhatian faktor pemuatan, di mana jika nilai melebihi 0.5, model dianggap sah (Ghozali, I., & Latan, 2015). Berdasarkan gambar yang diberikan, kesemua faktor pemuatan menunjukkan nilai yang melebihi 0.5. Oleh itu, dari penilaian tersebut, dapat disimpulkan bahawa model dalaman layak untuk diteruskan ke peringkat seterusnya.




Rajah 2. Faktor pemuatan

Jadual 4. Nilai kebolehpercayaan komposit dan alpha Cronbach


	Cronbach's alpha	Composite reliability (rho_a)	Composite reliability (rho_c)	Average variance extracted (AVE)
KAWALAN TINGKAH LAKU	0.774	0.808	0.869	0.691
NIAT	0.946	0.946	0.965	0.903
NORMA SUBJEKTIF	0.952	0.958	0.963	0.839
SIKAP	0.930	0.943	0.950	0.827

Pengukuran hasil model boleh dilakukan melalui ujian kebolehpercayaan konvergen, kebolehdiskriminan, dan unidimensi. Selain mempertimbangkan muatan faktor, kebolehpercayaan konvergen juga dapat dinilai berdasarkan nilai AVE (Average Variance Extracted), iaitu purata varian yang diekstrak.




Rajah 3. Average Variance Extrated (AVE)

Dalam kajian ini, setiap konstruk menunjukkan nilai AVE yang melebihi 0.5, yang menunjukkan ketepatan konvergen dalam model yang diuji. Untuk memastikan pengukuran yang tepat, langkah terakhir dalam mengevaluasi model adalah menguji unidimensi. Ujian unidimensi dilakukan dengan menggunakan penunjuk kebolehpercayaan komposit dan alpha Cronbach. Kedua penunjuk tersebut menunjukkan nilai yang melebihi 0.7, menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi.



Rajah 4. Pengujian reliabiliti



Rajah 4. (samb.)

8.2 Keputusan Hipotesis

Dalam rajah di atas, dapat dilihat bahawa semua konstruk menunjukkan kebolehpercayaan komposit yang baik dengan nilai alpha Cronbach melebihi 0.7 dengan merujuk formula tafsiran nilai pekali korelasi 'r' menurut 'Guilford's Rule of Thumb'. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa model yang telah ditentukan tidak menghadapi masalah kebolehpercayaan atau unidimensi.

Jadual 5. Nilai Koefisien

	Original sampel	Sampel mean	Standard deviation	T statistics	P value	Keputusan hipotesis
Kawalan tingkah Laku → Niat	0.095	0.108	0.083	1.144	0.252	Ditolak
Norma subjektif → Niat	0.211	0.216	0.062	3.395	0.001	Diterima
Sikap → Niat	0.605	0.591	0.092	6.549	0.000	Diterima

Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor kawalan tingkah laku dirasakan tidak mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan penyertaan Saham Wakaf Johor, dengan nilai signifikan sebanyak 1.144. Namun, faktor norma subjektif menunjukkan hubungan yang positif dan signifikan dengan penyertaan Saham Wakaf Johor, dengan nilai signifikan sebanyak 3.395. Selain itu, faktor sikap juga menunjukkan hubungan yang positif dan signifikan dengan penyertaan Saham Wakaf Johor, dengan nilai signifikan sebanyak 6.549. Dengan demikian, kesimpulan kajian ini menyokong hipotesis-hipotesis berikut:

- 1) H₁ : Terdapat hubungan yang positif di antara sikap dengan penyertaan Saham Wakaf Johor diterima
- 2) H₂ : Terdapat hubungan yang positif di antara norma subjektif dengan penyertaan Saham Wakaf Johor
 - a. diterima
- 3) H₃ : Terdapat hubungan yang positif di antara kawalan tingkah laku dengan penyertaan Saham Wakaf Johor
 - b. ditolak.

9.0 PERBINCANGAN

Dalam kajian ini, didapati bahawa kebanyakan guru menunjukkan minat yang tinggi dan positif untuk menyertai Saham Wakaf Johor. Niat guru untuk terlibat dalam program ini berada pada tahap yang sederhana tinggi, menunjukkan bahawa promosi dan penerangan mengenai manfaat dan tujuan Saham Wakaf Johor telah berjaya dalam membangkitkan minat dan mendapatkan penyertaan yang positif dari guru-guru. Penyertaan guru dalam program Saham Wakaf Johor memberikan potensi sumbangan yang signifikan dalam pembangunan pendidikan di Johor. Kajian Mohd Zain et al., (2019) mengakui bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara keikhlasan dan niat dalam konteks wakaf tunai. Selain itu, Armitage dan Conner (2010) serta Gani, Mahdzar dan Anuar, (2019) menyatakan bahawa niat memiliki keupayaan untuk meramalkan tindakan yang baik dan berterusan dalam jangka masa yang panjang.

Salah satu penemuan menarik dalam kajian ini adalah bahawa kawalan tingkah laku tidak mempengaruhi niat guru untuk menyertai Saham Wakaf Johor. Ini bermakna faktor-faktor luar seperti peraturan dan pengawasan bukanlah faktor utama yang mempengaruhi niat guru untuk terlibat dalam program ini. Sebaliknya, motivasi intrinsik yang berasal dari

dalam diri individu memainkan peranan yang lebih kuat dalam mempengaruhi niat guru untuk terlibat dalam Saham Wakaf Johor. Dalam kajian ini, guru-guru menyatakan bahawa Saham Wakaf Johor merupakan bentuk ibadah yang berasal dari motivasi agama. Faktor agama memainkan peranan penting dalam memotivasi individu untuk melakukan tindakan yang baik, termasuk wakaf tunai. Hasil penemuan ini sejajar dengan penelitian sebelumnya yang juga menunjukkan bahawa motivasi agama mempengaruhi keinginan individu untuk berwakaf.

Namun begitu, terdapat perbezaan dapatan dalam kajian ini dengan kajian terdahulu. Beberapa kajian sebelumnya menunjukkan bahawa persepsi mengenai kawalan tingkah laku menjadi faktor penting yang mempengaruhi niat untuk berwakaf. Namun, dalam kajian ini, penemuan menunjukkan bahawa faktor kawalan tingkah laku tidak memiliki pengaruh yang signifikan terhadap niat guru untuk menyertai Saham Wakaf Johor. Pengetahuan yang terbatas mengenai program Saham Wakaf Johor di kalangan guru-guru yang terlibat dalam kajian ini mungkin menjadi faktor yang mempengaruhi hasil ini. Kurangnya pengetahuan ini mungkin menyebabkan persepsi mengenai kawalan tingkah laku tidak dianggap sebagai faktor yang relevan dalam niat mereka untuk menyertai program Saham Wakaf Johor.

Selain itu, kekurangan sumber kewangan juga dapat mempengaruhi hubungan antara kawalan tingkah laku dan niat untuk menyertai Saham Wakaf Johor. Jika guru-guru dalam kajian ini menghadapi masalah kewangan atau pendapatan yang terhad, mereka mungkin lebih cenderung memberikan keutamaan kepada pendapatan tambahan daripada menyertai program Saham Wakaf Johor. Gabungan antara pengetahuan yang terhad dan keterbatasan sumber kewangan ini mungkin mempengaruhi persepsi guru-guru terhadap kawalan tingkah laku. Oleh itu, walaupun kawalan tingkah laku dianggap sebagai faktor penting dalam kajian-kajian terdahulu, kajian ini menunjukkan bahawa faktor-faktor lain seperti motivasi intrinsik dan pengetahuan yang terhad juga memainkan peranan penting dalam mempengaruhi niat guru untuk menyertai Saham Wakaf Johor secara keseluruhan.

Bagi meningkatkan penyertaan guru dalam Saham Wakaf Johor, perlu diberi penekanan kepada usaha promosi dan penerangan yang lebih meluas untuk meningkatkan pengetahuan mereka tentang Saham Wakaf Johor. Selain itu, perlu juga dilakukan usaha untuk memperluas sumber kewangan yang tersedia kepada guru-guru, supaya kekangan kewangan tidak menjadi penghalang bagi mereka untuk terlibat. Dengan langkah-langkah ini, diharapkan penyertaan guru dalam Saham Wakaf Johor akan meningkat, dan program ini akan memberikan manfaat yang lebih besar dalam pembangunan pendidikan dan masyarakat di Johor

10.0 KESIMPULAN

Penyertaan guru-guru sekolah menengah di Mersing dalam Saham Wakaf Johor memainkan peranan yang sangat penting dalam memperkasa dan memastikan kesan jangka panjang Saham Wakaf Johor untuk faedah generasi yang akan datang. Guru-guru ini berpotensi menjadi pencetus yang kuat dalam menggalakkan dan meningkatkan penglibatan masyarakat dalam program Saham Wakaf Johor. Dengan melibatkan guru-guru sebagai pelabur aktif dalam saham ini, kesedaran tentang pentingnya wakaf sebagai instrumen pembangunan yang aktif dapat ditingkatkan secara meluas. Selain itu, guru-guru sekolah menengah juga dapat menjadi agen perubahan yang mempengaruhi pelajar dan ibu bapa untuk ikut serta dalam Saham Wakaf Johor. Dengan melibatkan lebih banyak pihak dalam Saham Wakaf Johor ini, peluang yang kuat dapat dibentuk untuk memastikan sambutan program wakaf yang berkesan dan memberikan manfaat yang panjang kepada generasi yang akan datang

Kehadiran guru-guru di sekolah menengah dalam Saham Wakaf Johor juga memberikan manfaat yang luas. Mereka menjadi sumber inspirasi dan contoh teladan bagi pelajar, mengajarkan tanggungjawab sosial dan sumbangan kepada masyarakat, serta memupuk kesedaran tentang kelestarian dan pembangunan mampan. Dengan pemahaman ini, guru-guru dapat mencipta perubahan positif dalam masyarakat dan membantu membentuk generasi yang prihatin terhadap pentingnya wakaf dan pembangunan mampan.

Dalam jangka masa panjang, kehadiran dan penyertaan guru-guru sekolah menengah di Mersing dalam Saham Wakaf Johor akan memberikan impak yang berterusan dalam mempromosikan nilai-nilai wakaf, meningkatkan pemahaman tentang kepentingan pelaburan sosial, dan menggalakkan penyertaan yang lebih meluas dalam program ini. Dengan kerjasama rapat antara guru-guru, pelajar, ibu bapa, dan masyarakat tempatan, program Saham Wakaf Johor akan terus berkembang dan memberikan manfaat yang berterusan kepada semua pihak yang terlibat dan generasi akan datang.

Penglibatan golongan guru, yang merupakan golongan penjawat awam, adalah penting dalam memperluas penglibatan MAINJ ke sektor awam di Malaysia secara umum dan Johor secara khusus. Dengan meningkatnya kesedaran dan keinginan guru-guru untuk menyertai Saham Wakaf Johor, ini akan memberikan impak positif terhadap nilai kestabilan Saham Wakaf Johor. Kenaikan dalam dana yang dikumpul melalui Saham Wakaf Johor akan memberi manfaat kepada masyarakat Islam, yang dapat menikmati pulangan hasil daripada pembangunan ekonomi yang telah dilaksanakan. Dengan kata lain, melibatkan golongan guru dalam program ini akan membantu meningkatkan keberhasilan Saham Wakaf Johor dan memberikan manfaat yang lebih luas kepada masyarakat

Dapatan daripada kajian ini diharapkan memberi sumbangan yang berharga kepada pelbagai pihak, termasuk akademik, praktikal, dan pihak MAINJ, dalam usaha meningkatkan ekonomi dengan tumpuan khusus kepada umat Islam. Sumbangan ini memberikan pelbagai faedah yang signifikan. dari segi akademik, kajian ini memperkaya pengetahuan dalam bidang ekonomi, terutamanya dalam konteks umat Islam. Hasil kajian ini boleh digunakan sebagai rujukan dan sumber maklumat bagi para akademik, penyelidik, dan pelajar yang berminat dengan topik ini. Selain itu, pihak MAINJ

juga dapat memanfaatkan dapatan kajian ini sebagai landasan dalam menyusun dasar dan strategi untuk mendorong pertumbuhan ekonomi umat Islam. Ini termasuk usaha untuk memperluas peluang pekerjaan, merangsang keusahawanan, dan meningkatkan akses kepada pembiayaan syariah.

Kajian ini mempunyai kepentingan yang besar dalam meningkatkan kesedaran tentang Saham Wakaf Johor dan memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang konsep wakaf dalam konteks ekonomi. Diharapkan kajian ini dapat membangkitkan minat dan motivasi yang tinggi di kalangan guru untuk memulai dan mengamalkan wakaf sebagai sebahagian daripada instrumen kewangan yang bermanfaat. Kandungan kajian ini berpotensi menjadi sumber inspirasi dan maklumat yang berharga bagi para guru, terutama dalam merancang dan melaksanakan program-program wakaf dalam pendidikan dan masyarakat. Implikasi positif Saham Wakaf Johor terhadap masyarakat Islam, seperti peningkatan dalam pendidikan, kesihatan, dan pembangunan ekonomi, dapat menjadi daya tarikan yang kuat bagi para guru untuk terlibat dalam amalan wakaf. Guru-guru, sebagai tonggak pendidikan dan pemimpin dalam masyarakat, memiliki peluang untuk mengembangkan keselarasan harmoni antara konsep tauhid (iman kepada Allah) dengan akhlak dan etika yang baik. Selain itu, kajian ini juga menekankan peranan penting tauhid dalam amalan wakaf. Amalan wakaf bukan hanya sebagai sarana untuk meningkatkan kesejahteraan umat, tetapi juga untuk menumbuhkan nilai-nilai spiritual dan moral di antara guru dan pelajar.

Sebagai langkah progresif, sewajarnya MAINJ mendorong penyertaan guru dalam Saham Wakaf Johor bagi meluaskan penyertaan dalam kalangan penjawat awam di negeri Johor dan luar negeri. Matlamat utama adalah meningkatkan jumlah kutipan wakaf setiap tahun dan memberi lebih banyak peluang kepada individu untuk turut serta. Dengan melibatkan guru dan penjawat awam lain, diharapkan Saham Wakaf Johor terus berkembang, memberi manfaat yang lebih besar kepada masyarakat Islam, dan mencerminkan semangat kesatuan dalam menyokong pembangunan sosial dan ekonomi di negeri ini.

Oleh itu, hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan wawasan dan pemahaman yang lebih baik tentang kepentingan wakaf, terutamanya Saham Wakaf Johor, dalam pembangunan ekonomi dan sosial masyarakat Islam. Tambahan pula, hal ini juga dapat menguatkan peranan guru dalam mengamalkan nilai-nilai tauhid, akhlak, dan etika yang mulia dalam kehidupan sehari-hari, menjadi contoh yang dihormati dan diikuti oleh masyarakat. Sumbangan dari kajian ini juga diharapkan dapat meningkatkan pemahaman dan tindakan yang lebih efektif dalam memajukan ekonomi umat Islam, dengan tujuan akhir untuk mencapai kesejahteraan dan kemakmuran bagi komuniti tersebut. Oleh yang demikian perhatian perlu diberi dalam usaha memperkasakan Saham Wakaf Johor dengan menekankan penyertaan orang awam kerana realitinya wakaf sangat istimewa memberi manfaat sangat besar kepada Islam.

11.0 PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ), Pejabat Pendidikan Daerah Mersing, Pengetua, dan guru yang terlibat pengumpulan data berjaya. Kajian ini tidak melibatkan sebarang dana penyelidikan dan semua kos penyelidikan ditanggung sepenuhnya oleh pengkaji.

12.0 KEWANGAN

Kajian ini tidak menggunakan sebarang bentuk dana penyelidikan dan semua kos penyelidikan ini ditanggung sepenuhnya oleh pengkaji.

13.0 RUJUKAN

- Abd. Jalil, M. I. (2020). Issues and challenges of waqf practice in Malaysia: A review. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society (LJMS)*. 4, 80–86.
- Aidi, Ahmi, Mohd Herry, Mohd Nasir, Mohd Hisham, Mohd Sharif. (2005). E-Wakaf: Ke arah pengurusan wakaf yang lebih sistematik. *Jurnal Seminar Kebangsaan Ke Arah Pembangunan E-Malaysia: Merapatkan Jurang Komuniti dengan Teknologi Maklumat*. 1-8.
- Ajzen, I. (1975). Attitudinal vs normative message: An investigation of the differential effects of persuasive communications on behavior. *Sociometry*. 34, 263-80.
- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*. 50(2), 179–211.
- Al-Harethi, A. R. S. (2019). Factors Determine cash waqf participation in Kedah, Malaysia: Perception from students in Kolej University Insaniah. *IKONOMIKA: Jurnal Ekonomi dan Bisnis Islam*. 4(1), 53 – 59.
- Ali, M., & Don, M. (2019). Teori wakaf, kepelbagaian dan contoh amalan di Malaysia. *Malim: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara (Sea Journal of General Studies)*. 20, 24–39.
- Al-Zuhayli, Wahbah. (2012). *Mawsu'at al-Fiqh al-Islami wa al-Qadaya al-Mu'asirah*. Dimashq: Dar al-Fikr.
- Amin, H. and Chong, R. (2011). Is the theory of reasoned action valid for Ar-Rahnu? An empirical investigation. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*. 5(10), 716-726.

- Armitage, C. J. & Conner, M. (2010). Efficacy of the theory of planned behaviour: A meta-analytic review. *The British Journal of Social Psychology*. 40(4), 471-499.
- Asharaf Mohd. Ramli. (2019). Inovasi model wakaf tunai di Malaysia berlandaskan kepada garis panduan fatwa. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*. 18(2) 2019 (Edisi Khas)
- Asmak. (2009). Peranan wakaf dalam pembangunan ekonomi umat Islam dan aplikasinya di Malaysia. *Syariah Journal*. 17(1), 113-152.
- Bonne, K., Vermeir, I., Bergeaud-Blackler, F. & Verbeke, W. (2007). Determinants of halal meat consumption in France. *British Food Journal*. 109(5): 367–386.
- Chengiz Toraman & Berdiye Tuncsiper (2007). Cash waqf in the Ottoman as philanthropic foundations and their accounting practices.
- Cizakca M. (2013). Islamic capitalism and finance: Origins, evolution and the future. Glos: Edward Elgar.
- Creswell, J.W. & Creswell, J.D., (2014). Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches. Thousand Oaks, CA: Sage Publication.
- Fishbein, M. & Ajzen, I. (1975), Belief, attitude, intention, and behavior: An introduction to theory and research. Addison-Wesley, Reading, MA.
- Gadot, Noh.(2019). Konsep Saham Wakaf Johor dan perkembangannya di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*. Vol:16,1-14.
- Gani, A.A., Mahdzar, M. and Anuar, N.A.M. (2019), “Visitor’s experiential attributes and revisit intention to Islamic tourism attractions in Malaysia,” *Journal of Tourism, Hospitality and Culinary Arts*. 11(1), 1-13.
- Ghozali, I., & Latan, H. (2015). *Partial least squares konsep, teknik dan aplikasi menggunakan program SmartPLS 3.0 (2nd ed.)*. Badan Penerbit Universitas Diponegoro.
- Hassan, S. H. M., Mustapha, R., Mahmud, M., Malkan, S. N. A., & Hassan, N. H. C. (2021). The influence of promotion and waqf knowledge toward cash waqf awareness in Pahang region. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. 11(4).
- Hassan, Z., Abdullah, M. N. (2008). *The investment of waqf land as an instrument of Muslims’ economic development in Malaysia*. Presented at the Dubai International Conference on Endowments’ Investment, Dubai, UAE.
- Hasyim, F., Nurohman, Y.A. (2021). Adopsi teori perilaku berencana dalam menganalisis niat melakukan wakaf tunai. *Journal of Among Makarti* Vol. 14 (1), 78.
- Hasyim, F. (2019). Peer to peer lending as alternative online microfinance platform: Threat and challenge to Islamic microfinance. *Indonesian Journal of Islamic Literature and Muslim Society*, 4(2), 2528–119
- Heikal, M., Hasballah, F., & Khaddafi, M. (2014). The intention to pay zakat commercial: An application of revised theory of planned behavior. *Journal of Economics and Behavioral Studies*. 6. 727-734.
- Huda, N., Rini, N., Mardoni.,Y. & Putra, P. (2012). The analysis of attitudes, subjective norms, and behavioral control on Muzakki’s intention to pay zakah. *International Journal of Business and Social Science*, 3(22), 271-279.
- Iman, A. H. M., & Mohammad, M. T. S. H. (2017). Waqf as a framework for entrepreneurship. *Humanomics*, 33(4), 419–440.
- Ismail, M. Z., Rosele, M. I., & Ramli, M. A. (2015). Pemerksaan wakaf di Malaysia: Satu sorotan. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society*, 9, 1–13
- Islam, E., Ilmiah, J. (2022). Analysis of interest for money waqf using theory of planned behavior (case study in Dompot Dhuafa Republika). 8(1), 651–657.
- Kasri, R. A., & Chaerunnisa, S. R. (2020). The role of knowledge, trust, and religiosity in explaining the online cash waqf amongst Muslim millennials. *Journal of Islamic Marketing*, 1759-0833.
- Kashif, M., & de Run, E. C. (2015). Money donations intentions among Muslim donors: An extended theory of planned behavior model. *International Journal of Nonprofit and Voluntary Sector Marketing*, 20(1), 84–96.
- Kashif, M., Sarifuddin, S., & Hassan, A. (2015). Charity donation: intentions and behaviour. *Marketing Intelligence & Planning*, 33(1), 90–102.
- Khalifa, M., & Shen, K. N. (2008). Drivers for transactional B2C M-commerce adoption: Extended theory of planned behavior. *Journal of Computer Information Systems*, 48(3), 111–117.
- Klockner, C.A. (2013). A Comprehensive model of the psychology of environmental behaviour a meta analysis. *Global Environmental Change*. 23(5), 1028-1038
- Knowles, R.S., Hyde, K.M. & White, K.M. (2012). Predictors of young people’s charitable intention to donate money: An extended theory of planned behavior perspective. *Journal of Applied Social Psychology*, 42(9), 2096-2110.
- Lada, S., Tanakinjal, G.H., & Amin. H. (2009) Predicting intention to choose Halal product’s using theory of reason action. *International Journal of Finance and Management*, 20(1), 66-75

- Latif, A., Haryadi, I., & Susilo, A. (2021). Pengaruh pemahaman wakaf terhadap niat berwakaf tunai Jama'ah masjid di Kecamatan Kota Ponorogo. *Islamic Economics Journal*, 7(1), 31.
- Linden, S. Van De. (2011). Charitable intent: A moral or social construct? A revised theory of planned behavior model. *Current Psychology*, 30(4), 355–374.
- Lucyanda, Jurica. (2010). Pengujian Technology Acceptance Model (TAM) dan Theory Planned Behavior (TPB). *Journal of JRAK*, 2, 1-14
- Magda Ismail Abdel Mohsin. (2013). *Corporate waqf and its role in the different societies*. The 2nd International Conference on Islamic Economics and Economics of the OIC Countries (ICIE 2013) Kuala Lumpur.
- Majlis Agama Islam Negeri Johor (2021). Laporan kutipan saham Wakaf Johor.
- Md Nuruddin, N., Wahid, H., & Abdul-Rahman, A. (2019). Pembangunan tanah wakaf secara penswastaaan: Kajian terhadap projek menara Imarah Wakaf oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. *Jurnal Syariah*, 27(1), 45–76.
- Mohd Zain, N. H., Muda, M., & Rosman, R. (2019). Personality factors influencing intention on cash waqf behavior. *International Journal of Business, Economics and Law*, 18(2), 23–30.
- Mohsin, M. I. A., Dafterdar, H., Çizakça, M., Alhabshi, S. O., Razak, S. H. A., Sadr, S. K., Anwar, T., & Obaidullah, M. (2016). Legal framework of the institution of waqf. In *Palgrave Macmillan US eBooks*.
- Mujani, Wan & Taib, Mohd & Mohamad Khairul Izwan, Rifin. (2016). *Waqf Higher Education in Malaysia*. International Conference on Education, E-learning and Management Technology (EEMT 2016). 539-542.
- Nur Alya Sabreena Nor Azlan, Masfaliza Mohsen, Rozilah Kasim, & Ismail Omar. (2020). Pembiayaan pembangunan tanah wakaf di Negeri Johor. *Research in Management of Technology and Business*, 1(1), 782–799.
- Nurul Azma et al. (2017). Exploring The factors of organization structure to improve waqf management in Malaysia. *International Journal of Islamic Business*, 2 (2), 79-88.
- Oelrich, S. (2021). Intention without action? Differences between whistleblowing intention and behavior on corruption and fraud. *Business Ethics*, March, 447–463.
- Osman, A. F. (2014). *An analysis of cash waqf participation among young intellectuals*. Proceedings of International Academic Conferences.
- Osman, I., Ma'in, M., & Muda, R. (2019). Determinants of behavioural intention towards green investments: the perspectives of Muslims. *International Journal of Islamic Business*. 4(1):16-38
- Park, H., & Lewis, D. (2019). The motivations of external whistleblowers and their impact on the intention to blow the whistle again. *Business Ethics: A European Review*, 28(3), 379– 390.
- Rajikal, W., & Mohd Isa Hamzah (2020). Kajian sistematik pengajaran abad ke-21 (Pak21) dalam kalangan guru Pendidikan Islam (GPI). *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*. vol. 4, No.2 (2020), 103-113|
- Ramli, A. M., Jalil, A., Noor, N. H. K. M. N., & Othman, S. S. (2022). Pengurusan dana wakaf tunai bagi pembangunan ekonomi umat Islam: Pengalaman Yayasan Wakaf Malaysia (YWM). *International Journal of Islamic Economics and Finance Research (IJIEFER)*, 5(1), 41–53.
- Sakti, M. R. P., Bin Mohd Thas Thaker, H., Qoyum, A., & Qizam, I. (2016). Determinants of cash waqf contribution in Klang Valley and Selangor: A SEM approach. *Journal of Islamic Monetary Economics and Finance*, 2(1), 111–144.
- Setianagara, M. I. (2019). Perilaku kedermawanan muslim di Indonesia studi mengenai intensi dan perilaku bersedekah. *Jurnal Ekonomi, Bisnis & Entrepreneurship*, 13(1), 1–16.
- Shih, Y. Y., & Fang, K. (2004). The use of a decomposed theory of planned behavior to study internet banking in Taiwan. *Internet Research*, 14(3), 213.
- Smith, J. R., & McSweeney, A. (2007). Charitable giving: the effectiveness of a revised theory of planned behaviour model in predicting donating intentions and behaviour. *Journal of Community and Applied Social Psychology*, 17(5), 363–386.
- Sulaeman, E. S., Murti, B., Setyawan, H., & Rinawati, S. (2017). Aplikasi Theory of Planned Behavior pada perilaku pemberian ASI Eksklusif: Studi kasus. *Jurnal Kedokteran Yarsi*, 25(2), 84–100.
- Supian, K., Norhasbi, A. S., Salina Rasli, Juliza, M., Hairin Nisa, M.N., Zainal Azhar, Z.A., (2021). Private higher education institution alumni perception on endowment behavioral intention: A conceptual framework. *International Journal of Academic Research in Bussines and Social Science*. 11(1), 814-824.
- Zulkiflee, N., Wahid, H., & Ahmad, S. (2015). *Kesedaran terhadap wakaf tunai: Kajian di Besut, Terengganu*. Prosiding Seminar Fiqh Semasa (SeFis) 2015, June, 1–11.